



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562

No. Fax : 03-8882 5569

YAYASAN PETRONAS BERI SUMBANGAN KEPADA KELUARGA MEMERLUKAN SEMPENA SAMBUTAN PERAYAAN HARI NATAL

Hari ini saya telah menghadiri Program Jualan Rahmah Madani (PJRM) Krismas, Sentuhan Kasih dan Advokasi Kepenggunaan yang diadakan di Gereja St Augustine, Kinarut, Papar. PJRM ini diadakan bagi membantu masyarakat sekitar mendapatkan barangan keperluan harian pada harga lebih murah berbanding harga pasaran, terutamanya mereka yang sedang membuat persiapan untuk menyambut perayaan Hari Natal tidak lama lagi.

Istimewa juga program kali ini apabila Petronas melalui Yayasan Petronas telah sudi untuk memberikan sumbangan kepada 200 keluarga bagi Parlimen Papar. Sumbangan berupa barangan keperluan harian ini sedikit sebanyak membantu para penerima membuat persiapan menjelang Perayaan Natal nanti.

Sumbangan hari ini juga merupakan sebahagian daripada keseluruhan 11,850 buah keluarga dari seluruh Malaysia yang telah disantuni oleh Petronas melalui Program Memacu Kehidupan 2024 ketika sambutan perayaan Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidilfitri, Gawai, Kaamatan, Deepavali, dan kini perayaan Krismas.

Untuk makluman, Yayasan Petronas merupakan cabang impak sosial Petronas yang mempunyai tiga fokus utama iaitu pendidikan, kesejahteraan dan pembangunan komuniti dan alam sekitar. Pelbagai program dilaksanakan oleh Yayasan Petronas ini sebagai usaha membantu memberikan kesejahteraan, kelestarian dan pembangunan kepada masyarakat.

Pada kesempatan ini saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yayasan Petronas atas sumbangan yang diberikan sekali gus menyokong dalam menjayakan inisiatif Ihsan Rahmah MADANI.

YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI
Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

Papar, Sabah
15 Disember 2024